

Selesai isu Indonesia-Malaysia atas semangat serumpun

BH - 25/11/2023 mlc: 11

Oleh Andi Suwirta
bhrencana@bh.com.my

Penegasan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika kunjungannya ke Indonesia bahawa negara itu kekal sebagai sahabat sejati tambah menarik berdasarkan latar belakang Perdana Menteri itu sendiri. Anwar segenerasi dengan dua bekas Presiden Megawati Soekarnoputri yang lahir pada 1947 dan Susilo Bambang Yudhoyono (SBY).

Berbeza Perdana Menteri sebelumnya lebih berorientasikan Barat, Anwar sejak beliau sudah sangat teruja dengan Indonesia. Sejak 1960-an, beliau sudah duduk di Pekalongan, Jawa Tengah, bersama sasterawan terbilang Taufik Ismail.

Anwar juga sangat mengapresiasi pertubuhan belia Islam di Indonesia, iaitu Himpunan Mahasiswa Islam (HMI), hatta berkawan rapat dengan tokoh cendekiawan Muslim Indonesia, contohnya Nurcholish Madjid atau lebih dikenali Cak Nur; Imaduddin Abdurahim (Bang Imad); Adi Sasono (Mas Adi); Fahmi Idris (Bang Fahmi) dan Jusuf Kalla (Bung JK).

Terkesan pemikiran dan gerakan HMI, Anwar Ibrahim juga menubuhkan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada 1970-an. Ketika Cak Nur mewacanakan isu *Islam Yes, Parti Islam No* di Indonesia, Anwar juga mengamalkannya dalam konteks sosial dan politik di Malaysia.

Tokoh itu dijangka bakal menjadi pemimpin PAS pada 1982, tetapi menyertai UMNO sebagai parti pemerintah yang berkuasa sejak merdeka. Namun, berbeza cendekiawan Muslim Indonesia yang ketika kerajaan Orde Baru (1968-1998) bergerak di luar kekuasaan politik, karier politik Anwar cemerlang bersama UMNO.

Ketika gerakan Reformasi tercetus di Indonesia menumbangkan Orde Baru pada 1998 dan Presiden BJ Habibie mengambil ramai tokoh cendekiawan Muslim dalam Jemaah Menterinya, Anwar juga melakukan hal sama untuk mereformasikan kerajaan Malaysia, tetapi tidak berjaya.

Bagaimanapun, dalam konteks hubungan Indonesia-Malaysia pada masa kini selepas Anwar menjadi Perdana Menteri, ia jelas akan semakin cerah, rapat dan mesra kerana Anwar ialah Perdana Menteri yang sangat memahami sejarah dan kebudayaan Indonesia.

Selesai isu guna kaedah menang-menang

Namun, perlu diingatkan Anwar pastinya tidak akan mengorbankan kepentingan politik, ekonomi, dan sosiobudaya Malaysia dalam hubungannya dengan Indonesia. Kes kejayaan tuntutan Malaysia terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan pada 2002 yang mula dibuat ketika Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Anwar pula timbalannya, jelas menunjukkan kepentingan nasional Malaysia akan lebih diutamakan dalam hubungan dengan negara lain, termasuk Indonesia.

Seperti dinyatakan kepada Presiden Indonesia, Joko Widodo atau Jokowi, melalui telefon bimbit sempena ucapan tahniah, Anwar perlu membincangkan banyak agenda penting dalam hubungan dua hala Indonesia-Malaysia.

Masalah sempadan laut dan darat yang belum selesai hingga sekarang dari Selat Melaka, lautan di Kepulauan Riau, Tugu Sempadan Darat merentasi pulau Kalimantan hingga sempadan pulau Sebatik di Kepulauan Kalimantan Timur/Utara serta Lautan Sulawesi perlu segera dimuktamadkan.

Masalah ekonomi, terutama pembangunan Ibu Kota Negara (IKN) Nusantara di Kalimantan Timur, juga dibincang ekoran ada kesan kepada kemajuan di Sabah dan Sarawak.

Begitu juga masalah tenaga kerja Indonesia (TKI) yang kerap menimbulkan citra buruk di Malaysia sudah dibincang supaya mendapat layanan yang adil.

Akhir sekali, Anwar pula menyokong penuh kepemimpinan Indonesia dalam mempengerusikan pertubuhan ASEAN pada tahun ini.

Realitinya, perkara dan agenda penting itu perlu diselesaikan oleh kedua-dua negara bangsa yang dianggap serumpun dengan kaedah menang-menang.

Ia boleh berjaya kerana Perdana Menteri Malaysia sekarang ialah tokoh sangat faham dan teruja dengan Indonesia, manakala ramai pula orang Indonesia daripada Presiden hingga rakyat biasa mengagumi ketokohan Anwar.



Penyelidik Jabatan Pendidikan Sejarah Universiti Pendidikan Indonesia (UPI)